

CNS3880

U PB 06-09 00180 BA156

aab

Mahathir - Adam

MP KAJI SEMULA KES PEMBERHENTIAN ADAM KADIR

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO telah mengkaji semula kes Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Senator Adam Kadir, yang digugur sebagai anggota UMNO, kerana ada keraguan dalam pentafsiran peruntukan yang berkenaan dalam Perlembagaan UMNO.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi telah bersetuju untuk mendapatkan pandangan perundangan untuk memutuskan sama ada beliau boleh diterima semula sebagai anggota UMNO atau tidak.

Mengenai penggunaan Pasal 18.3 Perlembagaan UMNO, Dr Mahathir berkata ada pendapat yang mengatakan bahawa Perlembagaan UMNO membenarkan seseorang pergi ke mahkamah jika beliau sudah tidak ada cara lain lagi tetapi hanya ke mahkamah untuk mahkamah mengarahkan supaya keputusan Majlis Tertinggi dilaksanakan.

Setakat perkara itu, seseorang itu boleh pergi ke mahkamah, kata Dr Mahathir yang juga Presiden parti itu.

"Sekarang timbul keraguan sama ada beliau (Adam) ke mahkamah untuk menyekat keputusan parti atau untuk melaksanakannya", kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini. -- lagi.

▼06/09/15-07MSF

U PB 06-09 00120 BA157

aab

Mahathir - Adam 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kalau didapati tujuan Adam ialah untuk melaksanakan keputusan parti, maka mengikut Perlembagaan UMNO beliau tidak melakukan satu kesalahan dan dengan itu beliau tidak boleh diberhentikan daripada menjadi anggota UMNO.

Pada awal bulan lepas Perdana Menteri mengumumkan bahawa Adam gugur daripada menjadi anggota UMNO berkuatkuasa serta-merta kerana tindakannya membawa masalah dalaman parti ke mahkamah.

Kira-kira sebulan sebelum itu Adam mendapat perintah Mahkamah Tinggi Kuantan supaya UMNO bahagian Kuantan menerima yuran keahlian UMNO cawangan Beserah Selatan yang diketuainya.

Adam telah menghantar surat rayuan kepada Majlis Tertinggi pada 11 Ogos lepas supaya penggantungan keanggotaannya ditarik balik. -- Bernama.

MSZ NMO

▼06/09/15-07MSF